

Mahasiswa masuk kampung, beri penjelasan 1 Belia 1Malaysia

Oleh AIZAWATI AHMAD
Gambar MOHD. NOOR AMIN
generasi.cekal@gmail.com

MAHASISWA mampu memainkan peranan sebagai ‘jambatan’ antara kerajaan dan juga rakyat bagi menyampaikan mesej yang lebih tepat mengenai gagasan 1Belia 1Malaysia yang diperkenalkan kerajaan.

Bagi merealisasikan hasrat itu, kumpulan mahasiswa daripada universiti-universiti tempatan telah menyusun program ‘masuk ke kampung’ dalam masa terdekat ini.

Seramai 600 orang mahasiswa dijangka terbabit dengan program tersebut yang akan dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

Setiausaha Agung Majlis Perwakilan Universiti Putra Malaysia (UPM) Sesi

2008/2009, Mohd. Shahrul Kamaruddin, 22, berkata, zon-zon itu akan dibahagikan kepada tiga zon iaitu utara, timur dan selatan.

Katanya, setiap zon, seramai 200 orang mahasiswa akan ditugaskan bagi menjayakan program tersebut.

“Bagi zon utara, kami memilih negeri Kedah sebagai destinasi pilihan manakala zon timur kami akan pergi ke Kelantan dan Melaka pula untuk zon selatan,” katanya ketika ditemui pada Hari Mahasiswa bersama Kementerian Belia dan Sukan di UPM, Serdang baru-baru ini.


Menurut Mohd. Shahrul, sebanyak sembilan buah kampung telah pun dikenal pasti bagi menjayakan program tersebut iaitu tiga buah kampung di Kedah, empat buah kampung di Kelantan dan dua buah

kampung di Melaka.

Jelasnya, antara pengisian aktiviti yang akan dilaksanakan ialah para peserta yang terlibat akan menjalankan soal selidik dengan penduduk kampung di samping memberi penjelasan mengenai 1Belia 1Malaysia.

“Tidak semua penduduk memahami gagasan 1Belia 1Malaysia dan kesempatan ini kami akan gunakan sebaik mungkin bagi memberi penerangan terperinci mengenainya agar penduduk setempat benar-benar memahami konsep itu,” ujarnya.

Mohd. Shahrul memberitahu, mahasiswa yang terlibat akan membabitkan para penuntut di kalangan pelbagai kaum dan suku etnik dari Sabah dan Sarawak serta Orang Asli.



MOHD. SHAHRUL KAMARUDDIN